

Program Felo Perdana dan Felo Korporat

Protege **UMPSA**

TERBUKA KEPADA ALUMNI

Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA)

Program PROTEGE UMPSA menawarkan peluang kepada alumni UMPSA untuk bertugas/bekerja di universiti dan badan korporat selama enam (6) bulan.



Manfaat:

- Gaji RM 2,080/bulan
- Kemudahan Perubatan
- Cuti Rehat
- Caruman KWSP/Perkeso

Tarikh Tutup: **30 Ogos 2023 (Rabu)**

Pegawai untuk dihubungi:

Encik Mohd Nazmi Sahdan : 09-431 6353
Cik Nur Ainaa Adhreena : 09-431 5000

Emel: alumni@ump.edu.my



Berminat untuk memohon?

Layari atau imbas kod QR berikut untuk mengetahui syarat-syarat permohonan dan manfaat yang bakal diperoleh.



**TEKNOLOGI
UNTUK
MASYARAKAT**

**QS STARS™
RATING SYSTEM**

**WORLD
UNIVERSITY
RANKINGS**

**THE
WORLD UNIVERSITY
RANKINGS**

**UI
Green
Metric**

**USNEWS
WORLD UNIVERSITY RANKINGS**

PENGENALAN

Program PROTEGE UMPSA menawarkan peluang kepada alumni UMPSA untuk menimba pengalaman bertugas/bekerja sebagai Protege di UMPSA/badan korporat.

- i. Program berprestij yang mengangkat bakat anak muda, memberi pendedahan untuk memahami dan mempelajari kepimpinan pengurusan serta pentadbiran di UMPSA/badan korporat.
- ii. PROTEGE UMPSA direka bentuk untuk memberi peluang kepada alumni UMPSA yang ingin menjadi sebahagian daripada proses pembangunan negara sambil mengasah kemahiran kepimpinan mereka di peringkat tertinggi.

SYARAT-SYARAT

PROTEGE UMPSA terbuka kepada semua alumni UMPSA dan tertakluk kepada keperluan yang digariskan di bawah:

- i. Calon mestilah seorang warganegara Malaysia;
- ii. Calon mestilah graduan UMPSA (Ijazah/Sarjana/Kedoktoran);
- iii. Calon haruslah boleh berkomunikasi secara efektif dalam bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris;
- iv. Calon mestilah berusia 30 tahun dan ke bawah; dan
- v. Calon perlu mempunyai rekod akademik yang baik dengan $\text{PNGK} \geq 3.00$ di peringkat Ijazah Sarjana Muda.

Calon mestilah bersedia untuk meluangkan sepenuh masa selama enam (6) bulan untuk mengikuti program tersebut.

CARA MEMOHON

1. Calon perlu melengkapkan borang permohonan dan perlu menghantar secara emel kepada pelantikanhr@ump.edu.my. Borang permohonan boleh diperoleh melalui pautan <https://shorturl.at/czIS0>.
2. Calon juga diminta untuk mengisi Borang Maklumat Kesihatan dan Ujian Personaliti melalui pautan berikut <https://tinyurl.com/ProgramProtegeUMP> dan TIDAK PERLU cetak.

SOALAN LAZIM (FAQ)

1. Apakah itu program Protege UMPSA?

Program Protege UMPSA menawarkan peluang kepada alumni UMPSA untuk menimba pengalaman dan bertugas di dalam universiti atau syarikat korporat. Program ini bertujuan mengangkat bakat anak muda, memberi pendedahan untuk memahami dan mempelajari kepimpinan pengurusan serta pentadbiran di universiti serta industri. Selain itu, program ini juga direka bentuk untuk memberi peluang kepada alumni UMPSA yang ingin menjadi sebahagian daripada proses pembangunan negara sambil mengasah kemahiran kepimpinan mereka di peringkat tertinggi.

2. Adakah saya layak memohon sekiranya saya alumni dari universiti lain?

Permohonan hanya terbuka kepada semua alumni yang pernah bergraduasi di UMPSA sama ada di peringkat Ijazah Sarjana Muda, Ijazah Sarjana atau Ijazah Kedoktoran dengan syarat pemohon mestilah tidak melebihi umur 30 tahun seperti yang telah ditetapkan.

3. Adakah alumni Diploma UMPSA layak untuk memohon?

Maaf, permohonan hanya dibuka kepada semua alumni UMPSA di peringkat Ijazah Sarjana Muda dan keatas.

4. Saya merupakan alumni UMPSA di peringkat Ijazah dan kini saya sedang melanjutkan pengajian di peringkat Sarjana / Kedoktoran. Adakah saya masih layak untuk memohon?

Semua alumni UMPSA adalah layak untuk memohon namun diingatkan bahawa peserta perlu memberikan komitmen penuh selama tempoh enam (6) bulan untuk berkhidmat di Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang berkenaan sekiranya berjaya terpilih.

5. Bilakah tarikh kemasukan untuk calon Protege yang berjaya?

Semua calon yang berjaya akan melapor diri pada 2 Oktober 2023 (Isnin).

6. Adakah disediakan penginapan / tempat tinggal kepada Protege selama tempoh program?

Pihak universiti tidak menyediakan sebarang penginapan atau tempat tinggal kepada semua peserta. Peserta diingatkan untuk mencari penginapan sendiri sebaik sahaja menerima tawaran kemasukan dan semua kos pembiayaan yang berkaitan adalah dibawah tanggungjawab peserta.

7. Apakah beza program Felo Perdana dan Felo Korporat UMPSA?

Peserta program Felo Perdana akan ditempatkan di dalam kampus UMPSA (sama ada di UMPSA Pekan atau UMPSA Kampus Gambang) manakala peserta program Felo Korporat akan ditempatkan di syarikat-syarikat korporat yang telah bekerjasama dengan UMPSA.

8. Adakah saya boleh memohon sekiranya saya pernah menyertai Program Felo Perdana UMPSA sebelum ini?

Boleh, sekiranya memenuhi syarat yang ditetapkan.

9. Bilakah tarikh tutup permohonan?

Calon yang berminat perlu melengkapkan dan menghantar borang permohonan selewat-lewatnya pada **30 Ogos 2023 (Rabu)**. Sebarang permohonan yang dihantar selepas pada tarikh tersebut tidak akan diterima dan diproses.

Calon yang berminat diingatkan untuk merujuk keterangan di iklan untuk meneliti syarat dan cara-cara untuk memohon. Sekiranya terdapat sebarang kesulitan, calon boleh menghubungi pegawai di talian seperti yang tertera dibawah untuk mendapatkan maklumat lanjut berkaitan Program Protege UMPSA.

- a) En. Mohd Nazmi Sahdan: 09-431 6353
- b) Cik Nur Ainaa Adhreena: 09-431 5000